

**TEKS UCAPAN REKTOR
SEMPENA MAJLIS HARI MERCU KOKURIKULUM**

R. ABU BIN ABDULLAH,
REKTOR (AKADEMIK DAN
INGSAAN)

YANG DIPERTUA MAJLIS PERV
DAN BARISAN EXCO MPP,

TEMPAT:

KAMPUS INDUSTRI (ELAJAR YANG SAYA HORI)

KOLEJ UNIVERSITI TEKNIKAL KEBANGSAAN MALAYSIA (KUTKM)

PROF. MADYA DR. ABU BAKAR BIN

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN YA

REKTOR (PENYELIDIKAN &
AN / INOVASI)

TARIKH :

22 MAC 2006

**TEKS UCAPAN Y.BHG. REKTOR SEMPENA MAJLIS
HARI MERCU KOKURIKULUM BERTEMPAT DI
KAMPUS INDUSTRI KUTKM PADA 22HB. MAC 2006
JAM 8.30 MALAM.**

TERIMA KASIH SAUDARA PENGACARA MAJLIS,

Y. BHG. PROF. DR. ABU BIN ABDULLAH,
TIMBALAN REKTOR (AKADEMIK DAN
PENGANTARABANGSAAN)

Y.BHG. DATUK PROF. MADYA DR. ABU BAKAR BIN
MOHAMAD DIAH

TIMBALAN REKTOR (PENYELIDIKAN &
PENGKOMERSILAN / INOVASI)

Y. BHG DATO' PROF. DR. MOHD NOR BIN HUSAIN
DEKAN HAL EHWAL PELAJAR

Y. BHG PROF. MADYA DR. HJ SU'AIDI BIN DATO'
SAFEI
DEKAN PUSAT PERKHIDMATAN AKADEMIK

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN UNIVERSITI,

YANG DIPERTUA MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR
DAN BARISON EXCO MPP,

PARA PELAJAR YANG SAYA HORMATI SEKALIAN,

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN YANG DIHORMATI

ASSALAMUALAIKUM WRB. WBKTH. DAN SALAM
SEJAHTERA

ALHAMDULLILAH BERSYUKUR KITA KE HADRAT ALLAH SWT KERANA DENGAN KEIZINAN DAN RAHMATNYA DAPAT KITA BERKUMPUL BERSAMA-SAMA PADA MALAM INI BAGI MENYEMPURNAKAN MAJLIS PENUTUP HARI MERCU KOKURIKULUM KUTKM INI.

TERLEBIH DAHULU SAYA MENGUCAPKAN SETINGGI-TINGGI TAHNIAH KEPADA JABATAN KOKURIKULUM, PUSAT PERKHIDMATAN AKADEMIK KERANA MENJAYAKAN PROGRAM HARI MERCU KOKURIKULUMINI. PELAKSANAAN PROGRAMINI ADALAH PENTING SEBAGAI TANDA SOKONGAN DAN KOMITMEN TINGGI PIHAK PENGURUSAN UNIVERSITI TERHADAP AKTIVITI-AKTIVITI PELAJAR.

TUAN/PUAN YANG DIHORMATI

KOKURIKULUM DITAKRIFKAN SEBAGAI SATU PENGALAMAN PEMBELAJARAN MELIPUTI ASPEK AKAL, ADAB, FIZIKAL, AFEKTIF DAN SOSIAL YANG DITERAPKAN SECARA FORMAL, TAK FORMAL DAN BUKAN FORMAL SUPAYA SESEORANG DAPAT MENGAMATI, MENGHAYATI, MENGANALISIS DAN MENYELESAIKAN SESUATU MASALAH MELALUI PENDEKATAN YANG LEBIH SESUAI DAN BERGUNA DALAM KEHIDUPANNYA.

OLEH YANG DEMIKIAN KOKURIKULUM MERUPAKAN SATU PERKARA YANG PERLU DIBERI PERHATIAN DENGAN SEWAJARNYA BAGI MENCAPAI MAKSUDNYA KEPADA MAHASISWA-MAHASISWI KUTKM. PENUMPUMAN YANG KETERLALUAN TERHADAP ASPEK AKADEMIK TIDAK SAHAJA BOLEH MEWUJUDKAN MAHASISWA-MAHASISWI YANG BERORIENTASIKAN PEPERIKSAAN TETAPI JUGA DIBIMBANGI AKAN MEWUJUDKAN INDIVIDU YANG BERFIKIRAN SEMPIT. AKTIVITI KOKURIKULUM

PERLU MENJADI ALAT BAGI MELAHIRKAN MAHASISWA-MAHASISWI YANG LEBIH DINAMIK, BERKEBOLEHAN DAN MEMILIKI PERSPEKTIF YANG LEBIH BAIK TERHADAP KEHIDUPAN.

PENGLIBATAN MAHASISWA-MAHASISWI DALAM AKTIVITI KOKURIKULUM AKAN DAPAT MEMBINA KEKUATAN KEROHANIAN, MENTAL, FIZIKAL DAN KEINTELEKTUALANNYA. TEGASNYA, KOKURIKULUM ADALAH PELENGKAP ILMU KEPADA MAHASISWA-MAHASISWI YANG TIDAK DAPAT DICEDUK DAN DIPELAJARI DI DALAM BILIK KULIAH MAUPUN DINILAI MELALUI PEPERIKSAAN.

PENGLIBATAN MAHASISWA-MAHASISWI DALAM AKTIVITI KOKURIKULUM MAMPU MEMBENTUK INDIVIDU YANG MEMPUNYAI KEPERIBADIAN YANG UNGGUL. HAL INI ADALAH PENTING DAN SELARAS DENGAN DASAR PENDIDIKAN NEGARA UNTUK MELAHIRKAN MASYARAKAT MALAYSIA YANG

SEIMBANG DAN HARMONIS DARI SEGI INTELEK, ROHANI, EMOSI DAN JASMANI.INI DAPAT MENCAPAI MATLAMAT NEGARA UNTUK MEWUJUDKAN MASYARAKAT MALAYSIA YANG BERILMU PENGETAHUAN, BERKETERAMPILAN, BERAKHLAK MULIA, BERTANGGUNGJAWAB SERTA BERKEUPAYAAN MENCAPAI KESEJAHTERAAN DIRI DAN KEMAKMURAN NEGARA.

TUAN/PUAN YANG DIHORMATI

KITA PERLU MENERIMA HAKIKAT BAHAWA MALAYSIA ADALAH SEBUAH NEGARA YANG DINAMIK KERANA MASYARAKATNYA TERDIRI DARIPADA PELBAGAI KAUM YANG HIDUP DALAM KEADAAN AMAN DAN HARMONI. SEBAGAI SEBUAH INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI AWAM, KUTKM MENAWARKAN PELUANG MELANJUTKAN PENGAJIAN KEPADA MASYARAKAT TANPA MENGIRA KAUM. TIA-TIAP KAUM INI PULA

MEMPUNYAI ADAT RESAM, BAHASA, KESENIAN DAN KEPERCAYAAN MASING-MASING.

TENTUNYA PERKARA-PERKARAINI MEMPENGARUHI PERSPEKTIF MAHASISWA-MAHASISWI DALAM SESUATU PERKARA DAN IA BOLEH MEMBAWA KEPADA SIKAP PRASANGKA. JURANG PERBEZAAN PENDAPAT DAN PANDANGAN ANTARA KAUM DAPAT DIKURANGKAN MELALUI AKTIVITI KOKURIKULUM KERANA IA MAMPU MEMBUKA RUANG KEPADA MAHASISWA-MAHASISWI UNTUK SALING MENGENALI DAN MEMAHAMI BUDAYA DAN KEHIDUPAN MASING-MASING SERTA MENOLAK SALAH FAHAM DALAM BANYAK PERKARA.

INTEGRASI YANG DITUNJUKKAN DALAM AKTIVITI KOKURIKULUM AKAN BERJAYA MEMBENTUK PERPADUAN DARI SEGI SIKAP, BUDAYA DAN DAERAH. SECARA LANGSUNGNYA IA AKAN

MEMBENTUK ENTITI NASIONAL YANG MENYATUKAN PERBEZAAN PENDAPAT DAN ALIRAN PEMIKIRAN KERANA AKTIVITI KOKURIKULUM YANG DILAKUKAN SECARA BERSAMA DAPAT MENYEMAI SIKAP SALING MEMBANTU, BEKERJASAMA, MUAFAKAT, MEMBINA KEYAKINAN DIRI, MENINGKATKAN SEMANGAT PATRIOTISME, JATI DIRI DAN KETAHANAN MENTAL.

TUAN/PUAN YANG DIHORMATI

PIHAK UNIVERSITI AKAN TERUS MENGGALAKKAN AKTIVITI-AKTIVITI KOKURIKULUM SEBAGAI SATU BIDANG PEMBELAJARAN YANG MENJURUS KEPADA PENEKANAN PERKEMBANGAN INDIVIDU MAHASISWA-MAHASISWI. KEGIATAN-KEGIATAN KOKURIKULUM SEPERTI SUKAN, KELAB, PERSATUAN, CERAMAH DAN PASUKAN BERUNIFORM AKAN DIPERGIAKTAKAN SUPAYA IA DAPAT MEMBINA SAHSIAH MAHASISWA-MAHASISWI

YANG LEBIH CEMERLANG TIDAK SAHAJA DALAM BIDANG AKADEMIK TETAPI JUGA PERSONALITINYA. SEWAJARNYA AKTIVITI-AKTIVITI KOKURIKULUMINI TELAH DAPAT MEMPERSIAPKAN MAHASISWA-MAHASISWI KUTKM DENGAN CIRI-CIRI DAYA TAHAN, DAYA JUANG DAN DAYA SAING BAGI MENCAPAI MATLAMAT MENJADI AHLI PROFESIONAL YANG TERBAIK DAN BERTARAF DUNIA.

TUAN/PUAN YANG DIHORMATI

AKTIVITI KOKURIKULUM DAPAT MEMENUHI MASA LAPANG MAHASISWA-MAHASISWI DENGAN KEGIATAN YANG LEBIH BERMAKNA DAN BERFAEDAH. IA JUGA MEMBERI PELUANG KEPADA MAHASISWA-MAHASISWI UNTUK MENEROKA PENGALAMAN DALAM NEGURUS, MENTADBIR, MENGELOLA, MELAKSANA, MENYELIA DAN MENILAI KEGIATAN KOKURIKULUM YANG MEREKA PILIH.

MELALUI NYA MAHASISWA-MAHASISWI DAPAT MENUNJUK DAN MENGASAH BAKAT YANG ADA PADA DIRI MEREKA. BAKAT TERSEBUT ADALAH POTENSI YANG PERLU DIHARGAI DAN SETERUSNYA DIBERI PELUANG UNTUK DIKEMBANGKAN PADA PERINGKAT YANG LEBIH TINGGI.

SELAIN ITU, AKTIVITI KOKURIKULUM JUGA DAPAT MEMBENTUK MAHASISWA-MAHASISWI YANG BERFIKIRAN RASIONAL SERTA MEMILIKI KECERGASAN JASMANI UNTUK MENEROKA DAN MENIMBA ILMU MENERUSI PENGLIBATAN YANG BERCORAK PENYERTAAN UNTUK SEMUA. SEHUBUNGAN ITU, JABATAN KOKURIKULUM, PUSAT PERKHIDMATAN AKADEMIK DIBERIKAN AMANAH DAN TANGGUNGJAWAB BESAR UNTUK MEMAINKAN PERANAN MENGENDALIKAN SUBJEK KOKURIKULUM SEBAIKNYA DALAM USAHA UNIVERSITI MEMBINA MODAL INSAN YANG TERDIRI

DARIPADA MAHASISWA-MAHASISWI AGAR MENJADI PILIHAN INDUSTRI SELEPAS TAMAT PENGAJIAN.

MENJAYAKAN PROGRAM INI. SEMOGA PROGRAM INI AKAN MEMBUKA LEMBARAN DAN KESINAMBUNGAN KEPADA LEBIH BANYAK AKTIVITI KOKURIKULUM PADA MASA AKAN DATANG.

TUAN/PUAN YANG DIHORMATI

SEBAGAI KESIMPULANNYA, KOKURIKULUM MEMAINKAN PERANAN YANG AMAT PENTING KEPADA MAHASISWA-MAHASISWI BAGI MEMPERLENGKAPKAN DIRI MEREKA DENGAN PELBAGAI BENTUK ILMU DAN PENGALAMAN. PARA MAHASISWA-MAHASISWI SEPATUTNYA MENGAMBIL KESEMPATANINI UNTUK MENIMBA ILMU SEOPTIMUM MUNGKINDARI KEGIATAN AKTIVITI KOKURIKULUM SUPAYA MEREKA DAPAT MEMANFAATKANNYA DALAM KEHIDUPAN HARIAN KHUSUSNYA SEMASA BEKERJA NANTI.

DENGAN LAFAZ BISMILAHIRAHMANIRAHIM SAYA MERASMIKAN PENUTUPAN HARI MERCU KOKURIKULUM KUTKM INI.

SEKIAN WABILAHITAUFIK WALHIDAYAH
WASALAMUALAIKUM W.B.T DAN TERIMA KASIH.

AKHIR KATA, SAYA MENGUCAPKAN RIBUAN TERIMA KASIH KEPADA SEMUA PIHAK YANG BERUSAHA